



**PENGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN GURU PRASEKOLAH.**

MOHD. NOR BIN MOHAMED



**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

06 APRIL 2007


MOHD NOR BIN MOHAMED
M20041000343



DECLARATION

I hereby declare that the work in this project paper is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

06 APRIL 2007

MOHD NOR BIN MOHAMED
M20041000343





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihi

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, pengkaji telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sempurna, walaupun menghadapi pelbagai kesukaran. Namun dengan kekuatan dan kesabaran yang diberikanNya, terlaksanalah tanggungjawab untuk menyelesaikan tugas ini.

Bersama ini, pengkaji ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama dalam usaha untuk menjayakan laporan projek ini.

Pertamanya, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof.Madya Dr. Abdul Latif Bin Hj.Gapor, selaku penyelia laporan projek ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, kerjasama, komitmen yang tidak ternilai untuk kesempurnaan laporan projek ini. Tanpa bantuannya, ternyata sukar bagi pengkaji untuk menyiapkan laporan projek ini. Di kesempatan ini juga, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua guru besar dan guru-guru prasekolah yang terbabit di atas segala bantuan dan kemudahan yang telah dihulurkan.

Teristimewa untuk yang dicintai dan dirindui selalu isteri tersayang Azizah Binti Zainuddin, anak tercinta Muhammad Sufi Iqbal dan Nur Zahratol Iznin yang telah banyak memberi sumber inspirasi dalam menyiapkan laporan projek ini. Kasih sayang, ketabahan, pengorbanan dan budi kalian akan tetap diingati selalu. Tidak ketinggalan juga kepada bonda Hajjah Fatimah Binti Mat Deris dan adik beradik yang lain yang sentiasa mendoakan kejayaan saya selama ini. Tanpa galakan dan doa dari bonda, isteri, anak dan adik beradik tercinta, kajian ini sukar untuk dilaksanakan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan projek ini, pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih. Mudah-mudahan segala jasa dan budi yang diberikan akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

Mohd Nor Bin Mohamed
M20041000343
Fakulti Sains Kognatif dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim
Perak





ABSTRAK

PENGUNAAN KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PRASEKOLAH

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penggunaan komputer dalam kalangan guru prasekolah di Daerah Kota Bharu 1, Kelantan. Bagi mencapai objektif kajian ini seramai 45 orang guru prasekolah daerah Kota Bharu 1 telah digunakan sebagai sampel kajian. Kaedah soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Terdapat 38 item soal selidik diedarkan kepada responden terpilih. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Frekuensi dan peratus digunakan untuk menganalisis profil responden, Penggunaan komputer dalam kajian ini merujuk kepada kekerapan guru prasekolah menggunakan kemudahan komputer untuk tujuan pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, sikap, minat dan kemahiran guru serta tindak balas murid prasekolah terhadap komputer, dan juga kemahiran dalam penggunaan internet serta galakan daripada pentadbir sekolah kepada guru-guru prasekolah daerah Kota Bharu 1 dalam memantapkan diri dengan penggunaan komputer. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap penggunaan komputer untuk tujuan pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, galakan daripada pentadbir adalah tinggi. Tahap penggunaan perisian dan cakera padat adalah sederhana dan akhir sekali tahap penggunaan internet adalah rendah.





ABSTRACT

THE UTILIZATION OF COMPUTERS IN TEACHING AND LEARNING PRE-SCHOOL TEACHER

This research tries to look at the standard of the utilization of computers among pre-school teachers in Kota Bharu 1, Kelantan. To achieve the said objective, a total of 45 teachers of the pre-school in Kota Bharu 1 has been made as a sample of the research. A questionnaire method was used in this study. There are 38 items of questionnaire have been sent out to the selected respondents. Then this data is analyzed by using the Statisical Package For The Social Science (SPSS). Frequencies and percentage are applied to describe the profile respondents. The application of the computers in this study refers to its use in the area of management, teaching and learning, the use of software and compact disc, the use the internet and also encouragement given by school administrator of the pre-school in Kota Bharu 1. In conclusion, this study has indicated that the standard of the use of computer for management, teaching and learning as well as the encouragement of the school administrator are in high level. The use of software and compact disc are medium standard but the use of internet is still low.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
SENARAI SINGKATAN	
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Definisi Operasional	9
1.6.1 Penggunaan komputer	9
1.6.2 Komputer	9
1.6.3 Pengajaran dan Pembelajaran	10
1.6.4 Guru prasekolah	11



1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Rumusan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Penggunaan komputer dalam pendidikan	15
2.3	Keyakinan diri dan sikap serta kemahiran terhadap komputer	18
2.4	Sumber ilmu pengajaran dan pembelajaran menerusi internet	19
2.5	Kajian Luar Negara	20
2.6	Kesimpulan	25

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	27
3.4	Alat Kajian	30
3.5	Kajian Rintis	31
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	32
3.7	Penganalisan Data	33
3.8	Rumusan	38



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Analisis Bahagian A : Profil Responden Kajian	36
4.2.1	Jantina	37
4.2.2	Etnik	38
4.2.3	Umur	38
4.2.4	Pengalaman Mengajar	39
4.3	Analisis Bahagian B : Penggunaan komputer dalam Pengajaran dan pembelajaran	40
4.3.1	Kekerapan penggunaan komputer	40
4.3.2	Sikap guru prasekolah terhadap penggunaan komputer	42
4.3.3	Kemahiran-kemahiran terhadap penggunaan komputer	46
4.3.4	Tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap penggunaan komputer	49
4.3.5	Tindak balas guru prasekolah terhadap penggunaan internet	52
4.3.6	Galakan pentadbir terhadap penggunaan ICT terutamanya komputer	53
4.3.7	Dapatan kajian melalui temu bual responden mengenai penggunaan komputer dan perisian-perisian	55
4.4	Rumusan	59



BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN PERBINCANGAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan Persoalan Kajian	61
5.2.1	Persoalan 1	62
5.2.2	Persoalan 2	62
5.2.3	Persoalan 3	63
5.2.4	Persoalan 4	65
5.2.5	Persoalan 5	65
5.2.6	Persoalan 6	66
5.2.7	Persoalan 7	66
5.3	Cadangan	68
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	73
5.4	Rumusan	73

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran 1 : Kebenaran menjalankan kajian

Lampiran 2 : Borang soal selidik

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk Jadual	Muka surat
3.1	Responden soal Selidik	29
3.2	Kandungan soal Selidik	31
3.3	Interpretasi Skor Min bagi item-item berskala lima	33
3.4	Interpretasi Skor Min bagi item-item berskala empat	33
3.5	Taburan item-item mengikut subskala	34
4.1	Profil responden dari segi jantina	38
4.2	Profil responden dari segi bangsa	38
4.3	Profil responden dari segi umur	39
4.4	Profil responden dari segi pengalaman bertugas	39
4.3.1	Kekerapan penggunaan komputer responden untuk tujuan Pengurusan bilik darjah serta proses pengajaran dan pembelajaran	41
4.3.2	Sikap responden terhadap penggunaan komputer dalam proses Proses pengajaran dan pembelajaran	43
4.3.3	Kemahiran-kemahiran responden dalam penggunaan komputer Untuk proses pengajaran dan pembelajaran	47
4.3.4	Tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap penggunaan Komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran	50
4.3.5	Tindak balas responden terhadap penggunaan internet dalam Mencari bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran	52
4.3.6	Galakan pentadbir terhadap penggunaan ICT terutamanya Komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran	54

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk Rajah	Muka surat
1.1	Kerangka konseptual kajian mengenai penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru prasekolah	12



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Keterangan
PC	Personal Computer / Komputer Peribadi
MSC	Multimedia Super Corridor / Koridor Raya Multimedia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
SK	Sekolah Kebangsaan
WWW	World Wide Web





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan di abad 21 bukanlah sesuatu yang baru. Komputer peribadi atau 'personal komputer' (PC) telah mula diperkenalkan di sekolah pada awal tahun 1980, ianya digunakan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan maklumat serta data sekolah. Pada tahun 1996, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan MSC (Multimedia Super Coridor) yang mempunyai tujuh projek perdana atau 'flagship'.

Teknologi maklumat di Malaysia diperkenalkan apabila kerajaan memperkenalkannya dalam sektor awam dengan tujuan untuk memudahkan pengolahan data yang diperoleh. Semenjak itu penggunaan komputer terus meningkat hingga tahun 1989 dengan sejumlah 393 buah komputer kerangka utama dan mini komputer terdapat di sektor awam (Zoraini , 1993). Dalam bidang pendidikan, alat dan proses ICT akan dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan pengurusan





sekolah. Penggunaan ICT di sekolah-sekolah terutamanya penggunaan komputer sedang meningkat dengan pesatnya (Cuban, 1986).

Menyedari peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terhadap pembangunan negara menerusi bidang pendidikan maka pendedahan kepada penggunaan komputer perlu dilaksanakan (Zoraini, 1985). Prof. Dr. Robiah Sidin dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Kalangan Pelajar : Ke Arah Mengurangkan Jurang Pendidikan' menyatakan Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah dengan memperkenalkan subjek-subjek berkaitan seperti Perkomputeran dan Teknologi Maklumat untuk pelajar di peringkat menengah dan mendirikan Sekolah Bestari untuk mendedahkan murid-murid dari peringkat rendah lagi kepada komputer yang digunakan untuk proses mengajar dan belajar.



Pada 11 Oktober 1997, Perdana Menteri Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad melancarkan kempen kesedaran teknologi maklumat. Tujuannya ialah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat memanfaatkan teknologi maklumat. Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi akan lebih memberangsangkan guru, tambahan pula pembelajaran yang menggunakan media digital dan rangkaian komputer akan menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan terutamanya menggunakan internet. Semua jenis teknologi yang digunakan untuk memproses (processing), menyimpan (storing) dan memindahkan (transferring) maklumat dalam bentuk elektronik (Percival, 1984).

Kegunaan komputer dalam pendidikan semakin meningkat, berbeza dengan tempoh satu dekad yang lalu di mana peranan komputer hanyalah terhad kepada 'mesin





hitung besar', tetapi kini peranan komputer memberi impak yang besar kepada bidang pendidikan (Geisert,1990). Kementerian Pelajaran Malaysia juga bercadang untuk menyediakan latihan asas dalam bidang teknikal komputer kepada guru-guru bagi membaikpulih dan mengendalikan servis komputer di sekolah masing-masing. (Utusan Malaysia, 6 Julai 2000 : 3). Bagi memenuhi impian wawasan 2020, sistem pendidikan perlu kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mana akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berubah daripada kaedah tradisional kepada kaedah teknologi maklumat terutamanya penggunaan komputer.

Penggunaan teknologi maklumat dalam bilik darjah harus diberi keutamaan, bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Laporan Kabinet (1974) melalui perakuan ke 115(C) yang menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan harus menyediakan kemudahan di setiap sekolah untuk kegiatan yang berkaitan dengan penggunaan teknologi pendidikan.

Penggunaan komputer banyak memberi kesan dalam dunia pendidikan kerana komputer dapat menggantikan tugas guru, contohnya media komputer, memberi maklumat dengan lebih tepat dan meluas, contohnya media internet, meningkatkan keupayaan minda pelajar melalui penggunaan komputer, proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan dan akhirnya akan melahirkan insan yang celik komputer.

Bagi meningkatkan kualiti kerja seharian, guru memerlukan khidmat kepakaran dan kecanggihan komputer, ini kerana sistem pendidikan di Malaysia kini sedang menuju kepada wawasan yang cemerlang. Cabaran ini menjadi tanggungjawab guru sebagai tonggak utama bagi melaksanakannya. Pendidikan alaf baru ini yang semakin mencabar





seiring dengan perkembangan pesat industri teknologi maklumat, ini akan lebih memerlukan para guru sentiasa memberi perhatian dan seterusnya melengkapkan diri dengan sebaiknya ke arah ini.

Guru hari ini tidak sama dengan guru telah lama mengajar, guru hari ini perlu ada perubahan dari segi perkembangan minda, misalnya dari segi penggunaan mesin taip tidak lagi bersesuaian dengan masa kini, oleh hal yang demikianlah guru perlu menukar haluan kepada penggunaan komputer bagi mengendalikan tugas-tugas seharian mereka. Banyak tugas harian yang memerlukan guru menggunakan komputer seperti menyediakan surat-surat rasmi, kertas latihan bagi murid, kertas ujian dan peperiksaan, nota untuk murid, bahan pengajaran dan pembelajaran, laporan markah peperiksaan dan ini seharusnya dilaksanakan dengan bantuan penggunaan komputer, guru dapat menyimpan segala dokumen tersebut sebagai sebuah fail di dalam cakera dan juga dapat mencetaknya apabila diperlukan.

Sesungguhnya banyak perubahan yang positif berlaku dalam sistem pendidikan dengan wujudnya teknologi maklumat, namun dengan kekurangan yang ada, di antara kekurangan dan cabarannya ialah kos penyelenggaraan yang tinggi, kurang tenaga pakar dan mahir dalam teknologi maklumat, sikap 'computer phobia', kurang pusat latihan dalam bidang teknologi maklumat dan juga tenaga penyelenggaraan yang kurang, ianya perlu diberi perhatian khusus supaya hasrat kita untuk menjadi peneraju dalam bidang teknologi maklumat tidak terkubur.

Pendidikan alaf baru adalah hasil daripada perledakan dan perkembangan teknologi maklumat, mempunyai cabaran yang harus ditangani dengan bijak. Guru harus memahami fenomena ini dan harus berusaha menggabung pelbagai ilmu, kemahiran dan





kreativiti ke arah melalui satu corak penyampaian yang berkesan dan bermakna (Clement, 1991).

1.2 Pernyataan Masalah

Pada masa kini penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting, tidak kiralah pada peringkat prasekolah hinggalah kepada peringkat tinggi, bagi mencapai matlamat memerlukan sokongan yang padu daripada pelbagai pihak seperti guru, pentadbir, dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh hal yang demikianlah menjadi tanggungjawab semua pihak, lebih-lebih lagi guru itu sendiri mengambil inisiatif bagi memantapkan diri dengan dunia teknologi maklumat. Di sinilah memerlukan guru tersebut menggunakan sepenuhnya penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, ini akan memudahkan lagi guru membuat perancangan secara lebih sistematik. Ada segelintir guru yang fobia dengan penggunaan teknologi maklumat terutamanya komputer. Sikap seperti ini akan menjadikan masalah kepada guru untuk mengendalikan pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan kemahiran guru bagi melaksanakannya. Ada juga guru yang kurang mahir dan tidak tahu langsung menggunakan komputer, ini menimbulkan masalah untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai cara dapat dilakukan oleh guru bagi memahirkan diri dalam penggunaan komputer, sama ada dengan menghadiri kursus-kursus yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga secara belajar sendiri dengan menghadiri kelas-kelas komputer, dalam kursus-kursus ini guru-guru akan diajar segala kemahiran yang terkandung di dalam perisian seperti menaip, mengedit,





menghasilkan dokumen hyperlink dan sebagainya. Di samping itu, mereka juga dibimbing tentang bagaimana hendak menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut di dalam melaksanakan tugas seharian sebagai guru di sekolah. Kerja-kerja guru seperti menulis surat rasmi, menyediakan nota, modul pengajaran, soalan latihan dan peperiksaan, dan memproses markah ujian serta peperiksaan pelajar akan menjadi lebih mudah dan kemaskini dan juga menarik.

Pelajar-pelajar sekolah, contohnya kanak-kanak prasekolah amat berminat dengan penggunaan komputer semasa pengajaran dan pembelajaran, tetapi sekiranya guru sendiri kurang kemahiran dan tidak tahu atau tidak mahu untuk menggunakan komputer, ini akan menjejaskan pembelajaran kanak-kanak. Adakah guru-guru ini mendapat dorongan dan galakan daripada pihak pentadbir bagi memudahkan guru menggunakan segala kemudahan yang terdapat di sekolah, contohnya penggunaan makmal komputer dan pembelian peralatan komputer.

Kajian ini akan cuba melihat kekerapan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah, sikap serta kemahiran yang ada pada guru prasekolah, dan akhirnya melihat setakat mana sambutan kanak-kanak prasekolah terhadap komputer semasa belajar dan perhatian daripada pihak pentadbir terhadap penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Kepentingan Kajian

Kementerian Pelajaran melalui Unit Komputer Dalam Pendidikan Bahagian Sekolah-Sekolah kini sedang giat menjalankan dan melaksanakan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Penggunaan komputer di sekolah-



sekolah kini memberi peluang baru kepada guru-guru prasekolah meningkatkan kemahiran mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat beberapa kepentingan daripada dapatan-dapatan kajian ini, iaitu :

- i. Dapatan kajian ini menyumbangkan maklumat yang penting tentang kekerapan penggunaan komputer guru prasekolah dalam menguruskan urusan bilik darjah dan proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Kajian ini juga akan mengesan sikap guru prasekolah terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Kajian ini juga dapat mengukur kemahiran yang ada dalam kalangan guru prasekolah tentang komputer
- iv. Kajian ini akan memperlihatkan tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.
- v. Kajian ini akan melihat setakat mana guru prasekolah menggunakan kemudahan internet untuk mencari bahan pengajaran.
- vi. Kajian ini akan menyumbangkan maklumat setakat mana galakan dan dorongan pentadbir terhadap penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran.
- vii. Kajian ini akan menjelaskan lagi tentang komputer yang dapat membantu guru prasekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- viii. Kajian ini juga akan dapat menjelaskan perisian-perisian bersesuaian yang digunakan oleh guru prasekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran?.



1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk :

1.4.1 Melihat kekerapan penggunaan komputer guru prasekolah untuk tujuan pengurusan bilik darjah serta proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4.2 Mengesan sikap guru prasekolah terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4.3 Mengesan kemahiran guru prasekolah dalam mengendalikan komputer untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4.4 Melihat tindak balas kanak-kanak prasekolah terhadap penggunaan komputer dalam proses pembelajaran

1.4.5 Melihat galakan dan dorongan daripada pentadbir terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4.6 Mendapatkan reaksi guru dalam penggunaan internet dalam mencari bahan bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4.7 Mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran melalui temu bual.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

1.5.1 Sejauh manakah kekerapan penggunaan komputer guru prasekolah untuk tujuan pengurusan bilik darjah serta proses pengajaran dan pembelajaran?

1.5.2 Sejauh manakah sikap guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?



1.5.3 Sejauh manakah kerahelian guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.5.4 Sejauh manakah tindak balas murid prasekolah terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.5.5 Sejauh manakah guru menggunakan kemudahan internet dalam mencari bahan bagi proses pengajaran dan pembelajaran?

1.5.6 Sejauh manakah pihak pentadbir sekolah memberi galakan dan sokongan kepada guru dalam penggunaan komputer bagi proses pengajaran dan pembelajaran?

1.5.7 Sejauh manakah guru dapat memperihalkan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Penggunaan komputer

Merujuk kepada memperihalkan perbuatan, kegiatan dan lain-lain dalam menggunakan sesuatu seperti penggunaan komputer bagi tujuan menaip, menyunting dan mengaturcara bagi menyediakan bahan pengajaran.

1.6.2 Komputer

Komputer ditakrifkan sebagai satu alat yang boleh menerima maklumat, menggunakan beberapa prosedur pemprosesan kepadanya, dan mengemukakan hasil maklumat baru dalam bentuk yang sesuai kepada penggunaanya (Noran Fauziah, 1994). Komputer alat elektronik yang menyimpan maklumat pada cakera atau pita bermagnet, menganalisisnya dan mengeluarkan maklumat selanjutnya apabila diperlukan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).



Komputer merupakan satu alat yang digunakan untuk menyimpan input dan maklumat daripada tujuan-tujuan tertentu. Komputer juga akan menganalisis, merekod, dan memberi tindak balas melalui papan kekunci dan tetikus (Heinich, Molenda & Russel 1993). Perkakasan dan perisian merupakan dua komponen besar yang kebiasaannya terdapat pada komputer. Monitor, unit pusat memproses, papan kekunci dan mesin cetak merupakan perkakasan utama komputer sementara program pengoperasian komputer, program pengaplikasian seperti pemproses perkataan, pemprosesan data, permainan merupakan perisian.

Pada masa kini banyak kegunaan komputer seperti dalam bidang pendidikan, pembinaan projek, pentadbiran dan sebagainya. Komputer juga digunakan sebagai asas kepada penggunaan internet, telesidang, videoteks, multimedia, mel elektronik dan lain-lain. Dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan komputer dalam kalangan guru-guru



1.6.3 Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses penyampaian serta perpindahan maklumat dan kemahiran, pengajaran yang berkesan akan mencapai hasil pembelajaran yang baik. Pengajaran dan pembelajaran mempunyai pelbagai gaya, cara yang terbaik pengajaran dan pembelajaran ialah tiada gangguan, ini akan membolehkan pelajar dapat menerima pengetahuan dan kemahiran dalam keadaan yang selesa. Pengajaran memerlukan guru yang berinovatif dan kreatif. Pengajaran dan pembelajaran yang positif juga akan dapat membawa kepada anjakan paradigma.





1.6.4 Guru prasekolah


Guru atau tenaga pendidik yang mengajar kanak-kanak prasekolah, sementara prasekolah merujuk kepada tempat kanak-kanak mendapatkan pendidikan asas yang penting sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan yang sebenarnya, contohnya tadika, tabika dan di barat dikenali sebagai 'kindergarten' dan 'nursery'.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada prasekolah bantuan kerajaan yang terletak di dalam kawasan daerah Kota Bharu 1, Kelantan. Sebanyak 39 buah prasekolah yang terlibat dalam kajian ini, di mana seramai 45 orang guru prasekolah yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Guru-guru yang dipilih ini adalah terdiri daripada guru-guru prasekolah yang pernah menggunakan komputer dan ada di antaranya pernah berkursus tentang penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian .



Dalam rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian iaitu mengenai penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru prasekolah. Kerangka konseptual ini di reka bentuk berdasarkan kepada persoalan kajian seperti kekerapan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah, sikap guru prasekolah terhadap penggunaan komputer serta kemahiran guru prasekolah dalam penggunaan komputer untuk proses pengajaran dan pembelajaran, tindak balas kanak-kanak terhadap penggunaan komputer, penggunaan internet dalam kalangan guru prasekolah untuk mencari bahan pengajaran dan pembelajaran, dorongan dan sokongan pihak pentadbir terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru prasekolah.

1.9 Rumusan



Bab ini telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutamanya penggunaan komputer di prasekolah, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah dan kerangka konseptual kajian.

Seterusnya kerangka konseptual kajian menjelaskan beberapa aspek utama yang terlibat dalam penggunaan komputer guru-guru prasekolah. Tujuan dan persoalan kajian adalah berkaitan dengan kekerapan penggunaan komputer dalam kalangan guru-guru prasekolah di daerah Kota Bharu 1, Kelantan di samping mengenalpasti sikap, kemahiran, serta maklumbalas kanak-kanak prasekolah terhadap penggunaan komputer semasa belajar.





Kepentingan kajian menjelaskan tentang sumbangan kajian kepada guru-guru prasekolah untuk menilai setakat mana penggunaan komputer untuk tujuan pengurusan, pengajaran dan pembelajaran serta mengukur kemahiran yang ada pada diri guru-guru prasekolah. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru prasekolah supaya memberikan komitmen dan perubahan sikap terhadap kebaikan menggunakan komputer. Akhirnya dari segi batasan kajian, kajian ini terbatas kepada 39 buah prasekolah bantuan kerajaan di daerah Kota Bharu 1 yang mana menggunakan kaedah soal selidik dan temubual untuk mengumpul maklumat kajian.

